

DUGAAN PENGGIAT SENI PKP 2.0

Manfaat platform digital



Mohd Zaini Othman

Tengah mengambil kira situasi semasa tiga bulan PKP dikuatkuasakan pada tahun lalu di seluruh negara, tiada produksi baru yang dapat dihasilkan kerana studio atau syarikat produksi profileman dan drama tidak dapat beroperasi

empoh sedia ada yang sememangnya sukar menjadi lebih sukar buat kita kerana penularan pandemik Covid-19 di dalam negara belum menampakkan akan kembali reda dalam tempoh terdekat.

Pada satu ketika kita hampir menang apabila kadar jangkitan dapat dikawal, dari fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula 'surut' menjadi PKP Pemulihian.

Ku sangkakan panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari, kerajaan kembali menguatkuasakan PKP di beberapa negeri dan kawasan serta mengisyaitarkan darurat di seluruh negara untuk mengekang musibah yang lebih buruk kepada rakyat dan negara.

Penulis yang berada di dalam daerah Seremban juga perlu akur dengan penguatkuasaan PKP di daerah Seremban bermula semalam (Selasa 19 Januari) sehingga 1 Februari nanti.

Semestinya apabila sudah berada dalam zon PKP, banyak perkara tidak boleh dibuat, dilarang dan terbatas untuk dilakukan dan keadaan ini mencetuskan pelbagai kesan rantaian yang negatif, paling kritikal pastinya mereka yang mencari pendapatan secara harian.

Ketika negara dilanda gelombang pertama dan kedua Covid-19, ketika itu sudah menyaksikan banyak sektor terjejas dengan teruk sekali gus menjelaskan sektor ekonomi negara dalam skala yang besar.

Perniagaan gulung tikar, pekerja diberhentikan dan gaji dipotong antara kisah keluh-kesah rakyat pasca Covid-19 yang semakin terhimpit hidup mereka kerana kehilangan punca pendapatan.

Apabila gelombang ketiga Covid-19 sedang membadi negara dengan dahsyat kini dengan kes harian dilaporkan sekitar 3,000 kes jangkitan dan pernah melonjak sehingga 4,000 kes, pastinya lebih berganda pihak yang terjejas akibat pandemik ini, dari kehidupan yang sukar kini bertukar menjadi perit dan semakin menyulitkan.

Sektor penerangan, pelancongan dan perhotelin antara yang terkesan dengan

teruk dan masih bergelut untuk pulih.

Walaupun di kaca televisyen kita melihat masih melihat pelbagai drama dan rancangan hiburan baharu disajikan manakala di corong radio pelbagai lagu terkeni dimainkan, hakikatnya bidang hiburan turut sama bergelut untuk terus bertahan.

Menurut kaji selidik yang dibuat oleh Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) pada tahun lalu, dilaporkan sebanyak 93 peratus warga penggiat seni dan kru balik tabir terjejas dengan pandemik Covid-19 ini dengan 70 peratus hampir atau hilang punca pendapatan sepenuhnya.

Sememangnya pandemik Covid-19 memberikan impak yang signifikan terhadap industri media, seni dan hiburan negara.

Impak jangka panjang krisis kewangan dalam industri ini adalah sangat rencam kerana semenjak Mac 2020, banyak institusi, organisasi dan syarikat produksi dalam media, seni dan hiburan di seluruh dunia telah ditutup termasuk di Malaysia.

Mengambil kira situasi semasa tiga bulan PKP dikuatkuasakan pada tahun lalu di seluruh negara, tiada produksi baharu yang dapat dihasilkan kerana studio atau syarikat produksi-profileman dan drama tidak dapat beroperasi, persemaahan

93%
Warga penggiat seni dan kru balik tabir terjejas pandemik Covid-19 tahun lalu

pentas seperti teater dan nyanyian pula ditunda mahupun dibatalkan.

Melalui pemerhatian penulis, dalam konteks industri media, seni dan hiburan, arahan penutupan institusi, organisasi dan syarikat produksi serta amalan normal baharu seperti perlu mengelakkan perhimpunan massa dan berada dalam ruang yang sempit, penjarakan fizikal, memakai pelitup separuh muka di tempat awam sebenarnya adalah satu cabaran yang besar kepada penggiat seni.

Ia sesuatu yang bertentangan dengan rutin industri seni dan hiburan yang lazimnya memerlukan penggiat seni bersentuhan secara fizikal ketika berlatih, membuat persiapan akhir dan melakukan persembahan.

Dek kerana itu mereka yang berada dalam industri seni amat berhati-hati untuk 'melabur' kerana takut pulangannya tidak setimpal atau merugikan.

Apabila membaca laporan di media, ada golongan artis yang mengakui sudah lama tidak menerima tawaran lakonan, nyanyian atau persemaahan

pentas.

Justeru, sudah ada yang 'angkat kaki' beralih arah seketika menjadikan bidang lain sebagai sumber pendapatan utama atau sampingan bagi menampung kehidupan.

Ada yang menjadi pemandu Grab, penghantaran makanan, membuka warung kecil meniaga makanan dan minuman serta memanfaatkan media sosial untuk mempromosikan produk jualan mereka.

Bagi penulis tiada apa yang perlu dimalumat apabila seseorang artis menceburu bidang sebegini kerana ia juga memberikan sumber pendapatan yang berbaloi jika kena gaya.

Pada masa sama, artis dan penggiat seni lain perlu segera mengadaptasi diri dengan norma baharu demi kelangsungan hidup dan tidak boleh sekadar mengeluh, bersedih dan terus mengharapkan kerajaan sentiasa membantu.

Dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19, kerjasama antara penggiat seni, pengeluar produk seni dan kerajaan perlu disepaduan untuk memanfaatkan kelebihan platform digital bagi memastikan industri seni negara terus bernafas.

Penulis adalah Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik Usim serta Exco Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (Pragmatis) Usim

dialog kotaraya oleh juragan

